

Ucapan: AD40
455
7A/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-upachara penerimaan 550 peti radio untok kegunaan sekolah2 mengikuti Siaran ka-Sekolah2, di-Pejabat Alat Pandang Dengar, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 25.8.1971, pukul 3.00 petang.

Pada zaman serba maju ini, soal perhubungan di-antara manusia dengan manusia amat-lah mustahak kerana tanpa perhubungan itu, anggota masharakat seluroh-nya berada dalam kegelapan dan keaifan. Dalam lain2 perkataan, kedudukan ini boleh-lah di-ibaratkan sebagai satu keadaan yang kuno, dalam mana raayat seluroh-nya miskin dalam serba serbi saperti pengetahuan, kemajuan dan pembangunan.

Sa-orang cherdek pandai dari Canada bernama Professor Marshall MacLuhan ada berkata bahawa dunia sekarang ini sudah menjadi bagitu kechil hinggakan beliau menamakan alam sa-mesta ini "a global village" ia-itu dunia sudah menjadi sa-buah kampong.

Sebab pun Marshall MacLuhan berkata demikian ia-lah dunia sekarang bukan-lah lagi satu dunia di-zaman yang silam, zaman Marco Polo, atau Columbus, atau Alfonso de Albuquerque. Dunia sekarang berada dalam zaman manusia naik kebulan, satu zaman dalam mana sains dan teknologi menjadi, bukan saja buah mulut manusia seluroh-nya, tetapi sains dan teknologi menjadi amalan dan perbuatan praktik mereka.

Kerajaan Malaysia ada-lah sedar tentang peri mustahak-nya perhubungan di-antara anggota raayat-nya. Tanpa perhubungan itu segala ranchangan yang di-kemukakan-nya untok kesejahteraan raayat tidak mungkin di-mengerti dan tidak mungkin di-fahami sa-dalam2-nya. Bagi Kerajaan, menghubungi anggota masharakat ada-lah satu usaha yang mesti di-buat kerana kami inginkan raayat bersama2 berganding bahu dengan Kerajaan bergegas ka-hadapan menuju kemajuan, kemakmoran dan kesejahteraan.

Mujor-lah pada zaman ini, kita umat manusia sakalian dapat menekmati alat2 kemajuan yang tidak pernah di-fikirkan mungkin berlaku lima puluh tahun yang lampau. Dalam hal perhubungan atau komunikasi, kemajuan dan kejayaan di-lapangan SEBARAN 'AM khas-nya radio dan talivishen ada-lah amat mengkagumkan.

Kesan peristiwa ini amat-lah besar dari segi semangat dan tanggapan hidup kita sakalian. Ia sa-mesti-nya menukarkan konsep dan chara hidup kita. Ia sa-mesti-nya menchetuskan satu revolusi mental yang amat sehat. Ia-nya menyemaikan benih semangat mendekatkan diri kita kapada sains dan teknologi yang mana telah menjadi darah daging kerajaan kita, khas-nya chita2 suchi Kementerian saya.

Oleh hal yang demikian, ada-lah menjadi satu dasar Kementerian saya, dan juga Kerajaan untuk menggunakan sepenohnya alat2 sebaran 'am seperti radio dan talivishen sebagai perantaraan menyampaikan pelajaran kepada murid2 di-seluruh negara tidak kira mereka itu tinggal di-pekan2 atau bandar2 atau di-cherok2 kampong sekali pun. Siaran Radio ka-Sekolah2 telah berjalan sejak 2hb. Mei tahun 1966. Ia-nya telah bergerak tapak demi setapak kearah kemajuan yang pesat.

Ada-lah di-jangkakan talivishen pendidekan, yang akan mengembelinkan mata2 pelajaran seperti Sains, Hisab, Tataaraayat dan Bahasa, akan di-mulakan pada pertengahan tahun 1972. Siaran2 akan di-tujukan kepada Sekolah2 Rendah dan juga Menengah. Melalui alat talivishen dan radio, Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian Penerangan akan dapat membawakan pakar2 dalam berbagai2 bidang pelajaran kecherok rantau negara dengan sa-kelip mata sahaja.

Tadi saya sebutkan Kementerian Pelajaran ingin menggunakan alat2 radio dan talivishen sa-penohnya dalam usaha pendidekan. Mungkin ada guru2 telah pun merumuskan bahawa kalau radio dan talivishen boleh di-jadikan alat pendidekan yang berkesan dan ini bermaana ia-nya boleh menjalankan peranan guru, maka satu kebimbangan mungkin timbul ia-itu apa-kah akan terjadi kepada guru2? Ada-kah perkhidmatan mereka itu di-perlukan? Dengan lain2 perkataan, ada-kah Kementerian saya menhadangkan bahawa kita tidak lagi berkehendakkan tenaga guru?

Biar-lah saya sebutkan di-sini dengan tegas-nya bahawa radio dan talivishen tidak sekali2 boleh mengambil tempat atau memainkan peranan guru di-bilek2 darjah. Negara2 yang sudah maju telah pun menunjukkan bahawa pimpinan guru ada-lah mustahak. Ini ada-lah di-sebabkan oleh satu fakta yang amat penting dari segi penggunaan Siaran ka-Sekolah2 yang sa-betul2-nya. Ia-nya mengandongi tiga bahagian ia-itu peranan sebaran 'am itu sendiri ia-itu penerbitan ranchangan2 yang berfaedah untuk murid2 yang di-selaraskan dengan sukatan pelajaran yang ada. Yang kedua, peranan murid2 itu sendiri mengikuti siaran2 itu. Oleh kerana siaran2 di-ranchangkan sebegini rupa, untuk mendapatkan kejayaan yang penoh, untuk mendapatkan faedah yang penoh, maka terpaksa-lah murid2 itu mengikuti atau menerima ranchangan2 pendidekan melalui radio dan talivishen itu di-bilek2 darjah. Ini dengan sendirinya bermaana guru2 mesti-lah berada bersama2 murid2 mereka di-bilek2 darjah. Ini amat-lah mustahak kerana kalau murid2 itu di-tinggalkan sahaja di-bilek2 darjah maka segala tujuan dan chita2 untuk menjayakan pelajaran melalui radio dan talivishen akan hilang begitu sahaja.

Jadi, tidak seharusnya guru2 merasa bimbang atau pun runsing mengenai perkara ini, tenaga guru2 akan terus di-perlukan dengan sebanyak2-nya, walau pun siaran radio dan talivishen ka-sekolah2 telah di-majukan dengan penohnya.

Saya berpendapat sebaran'am hendak-lah di-gunakan sa-penoh2-nya supaya pakar2 yang terkemuka dalam lapangan2 mereka di-sebarkan di-seluruh negara melalui peti2 talivishen dan juga peti2 radio di-sekolah2 dan di-rumah2. Pakar2 ini kita bawakan kepada murid2 tersebut dengan sa-kelip mata sahaja. Dari segi perbelanjaan pula, Kerajaan tidak-lah merasakan beban yang begitu berat.


Berhubung dengan siaran pendidekan melalui talivishen yang kami harapkan akan bermula pada pertengahan tahun 1972, saya suka menasehatkan guru2 besar di-seluruh negara supaya bersiap sedia dari sekarang untok membeli peti2 talivishen untok kegunaan sekolah2 mereka. Berjimat2-lah dari sekarang dengan tujuan manakala sampai masa-nya untok siaran talivishen di-mulakan sekolah2 sudah pun mempunyai wang untok membeli alat2 talivishen tersebut. Saya di-beritahu sekolah2 boleh-lah berusaha untok mendapatkan wang dengan mengadakan pertunjukkan2 amal atau pun menguntokkan sedikit daripada pendapatan dari kantin sekolah2 dan juga kedai2 buku di-sekolah dan lain2 lagi. Di-sini juga saya suka menyeru ibu bapa supaya menolong sekolah2 sa-takat yang boleh supaya tuan2 dan puan2 dapat menimbulkan semangat berdikari untok kebaikan dan kebajikan anak2 tuan2 sendiri. Perkara ini terkandung juga dalam usaha tuan2 dan puan2 dan juga sekolah2 mendapatkan peti2 radio yang berharga lebeh murah daripada harga membeli peti talivishen.

Sekarang saya berpaling kapada Sharikat Matsushita Jepun dan wakil-nya di-Malaysia ia-itu Hagemeyer Sendirian Berhad yang telah bermurah hati menghadihkan kapada Kementerian Pelajaran sa-banyak 550 buah radio transistor untok di-gunakan oleh sekolah2. Saya di-beritahu bahawa Malaysia bukan-lah sa-buah negara yang di-pilih oleh Sharikat Matsushita Jepun tetapi ia-nya telah menjalankan satu usaha untok menghadihkan peti2 radio kapada beberapa negara di-Asia dan juga Afrika. Sharikat ini berbuat demikian ada-lah atas keperchayaan bahawa alat2 radio dan juga talivishen ada-lah satu2-nya alat perhubungan yang boleh membasmi kekurangan2 dan kelemahan2 di-kalangan raayat dalam bidang pelajaran, kesihatan, pembangunan dan lain2 lagi, kerana melalui radio dan juga talivishen orang ramai dan juga anak2 sekolah akan dapat meninjau bukan sahaja keadaan di-sekeliling-nya tetapi juga keadaan di-seluruh dunia.

Kapada Sharikat Matsushita Jepun dan Hagemeyer Sendirian Berhad di-Malaysia saya ucapkan ribuan terima kaseh atas kemurahan hati mereka itu dan dengan pemberian mereka itu dapat-lah tidak kurang dari 20,000 kanak2 sekolah mengikuti Siaran ka-Sekolah2 sa-tiap hari siaran di-adakan. Bagi pengetahuan tuan2 semua sa-bahagian besar peti2 radio ini akan di-sampaikan kapada sekolah2 luar bandar dan saya di-beritahu sebanyak 265 buah akan di-berikan kapada Sekolah2 Kebangsaan, 115 buah kapada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, 100 buah kapada Sekolah2 Rendah Jenis Kebangsaan China dan 40 buah kapada Sekolah2 Rendah Jenis Kebangsaan yang dahulu-nya beraliran Inggeris.

Dengan ini sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kaseh kapada kedua2 sharikat atas kemurahan hati mereka menghadihkan 550 buah set radio transistor untok kegunaan Siaran ka-Sekolah2.

Terima kaseh.





No. Siri	54
No. Penerimaan	54/80